

**SOALAN NO. : 23**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR  
BIN MUSA [ KETEREH ]**

**TARIKH : 31 MAC 2015 [ SELASA ]**

**SOALAN:**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Musa [Ketereh] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan sejauh manakah Kementerian menguatkuasakan syarat-syarat wajib bagi Penilaian Kesan Awal Kepada Alam Sekitar (EIA) terutama yang melibatkan aktiviti pembalakan, perlombongan dan perladangan terhadap kawasan tadahan di Hulu Kelantan.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) menjalankan penguatkuasaan terhadap syarat-syarat kelulusan syarat-syarat wajib bagi semua aktiviti yang telah mendapat kelulusan laporan penilaian kesan kepada alam sekeliling (EIA) termasuk yang melibatkan aktiviti pembalakan, perlombongan dan perladangan kawasan tadahan di Hulu Kelantan.

Mengikut rekod JAS, terdapat 143 laporan EIA telah diluluskan sejak bulan Januari 1999 sehingga Disember 2014 di kawasan Hulu Kelantan (Gua Musang). Penguatkuasaan EIA telah dijalankan secara berterusan bagi memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap syarat-syarat kelulusan EIA dan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 serta Peraturan-Peraturan di bawahnya.

Tindakan penguatkuasaan telah diambil ke atas pemaju yang tidak mematuhi syarat-syarat kelulusan EIA dengan mengeluarkan notis arahan, tawaran kompaun dan tindakan mahkamah. Perintah Berhenti Kerja atau Perintah Larangan juga boleh dikenakan terhadap pemaju projek yang gagal mematuhi syarat kelulusan EIA dan mencemarkan alam sekitar.

Pemantauan dan penguatkuasaan akan diteruskan ke atas semua projek EIA bermula dari peringkat kerja tanah, pembinaan dan operasi bagi memastikan pematuhan terhadap syarat-syarat kelulusan laporan EIA dan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 serta Peraturan-Peraturan di bawahnya.

Sekian, terima kasih.